

Bab 2

Perkembangan Perdagangan Candu Di Selangor Abad Ke-19

Asasnya bab ini akan membincangkan perkembangan perdagangan candu di Selangor pada awal era campurtangan British di negeri-negeri Melayu. Di sini, akan dikupas tentang perjalanan perdagangan candu iaitu bagaimana ia berjalan dalam kerangka pentadbiran British menerusi Residen yang menjadi penasihat bagi Sultan Melayu tetapi pada masa yang sama memberi gambaran terhadap polisi sebenara yang ingin diamalkan oleh British.

Dua aspek utama yang akan diketengahkan dalam bab ini ialah pertamanya, sistem pajakan hasil dalam perdagangan candu yang diamalkan di Selangor serta perdagangan candu dalam sektor perlombongan bijih timah. Kepentingan aspek sistem pajakan hasil ini terbukti kerana ia adalah satu-satunya cara perdagangan komoditi ini dijalankan di negei-negeri Melayu dan di Negeri-negeri Selat serta dapat juga dilihat kebergantungan sektor perlombongan bijih timah, iaitu menjadi sektor ekonomi utama di Selangor kepada perdagangan candu khususnya menerusi sistem pajakan hasil ini.

Permulaan Campurtangan British di Selangor

Campurtangan British dalam politik di negeri-negeri Melayu bermula pada tahun 1874, selepas termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, iaitu satu dokumen penting yang menandakan permulaan campurtangan British di negeri-negeri Melayu dan pada tahun yang sama, Selangor juga mengalami nasib yang sama dengan Perak. Berikut dengan perjanjian inilah, perubahan dalam senario politik dan ekonomi tempatan dapat dikesan hasil daripada perubahan dalam corak pentadbiran negeri. Walaupun pada peringkat awal campurtangan British bercorak tidak langsung, perubahan dari segi kuasa dan pentadbiran berjalan dengan perlantikan seorang pegawai yang dipanggil Residen yang bertanggungjawab untuk menasihati Sultan dalam pentadbiran.

Residen British boleh dikatakan sebagai orang yang paling berkuasa dalam pentadbiran negeri berdasarkan bidang tugas yang diberikan kepadanya menerusi fasal-fasal yang terdapat dalam Perjanjian Pangkor. Antara yang terpenting adalah Artikel VI iaitu residen, “*whose advice must be asked and acted upon on all questions other than those touching the Malay Religion and Customs.*”¹ Residen akan dibantu oleh Penolong Residen, Pegawai Daerah dan Majlis Negeri. Umumnya, boleh dikatakan bahawa corak dan bentuk pentadbiran akan ditentukan oleh Residen

¹ W.G. Maxwell, *Treaties and Engagements Affecting The Malay States*, London, 1924, hlm. 28.

memberi lambang kepada dasar yang dikehendaki oleh British. Dalam kajian terhadap perdagangan candu di Selangor khususnya dalam melihat bagaimana perdagangan candu diberi galakan pada peringkat awal pentadbiran dan sebaliknya disekat kemudiannya atas beberapa sebab yang akan dibincangkan kemudian.

Melihat kepada sejarah campurtangan British di Selangor, salah seorang yang perlu diberi perhatian adalah Seymour Clarke, seorang ahli Majlis Legislatif yang berpengaruh dan wakil Konsular Belanda di Singapura. Beliau telah menulis sepucuk surat kepada Pejabat Tanah Jajahan di London berkenaan dengan kemungkinan campurtangan British di Selangor yang sedikit sebanyak telah mengubah pendirian British untuk mengubah dasar mereka terhadap isu campurtangan di negeri-negeri Melayu. Justeru itu, Sir Andrew Clarke yang ketika itu Gabenor Negeri-negeri Selatan telah diserahkan tanggungjawab ini oleh Lord Kimberley.²

Perubahan sebenar pendirian Kimberley bukan atas faktor kepentingan para pemodal British di negeri-negeri Melayu tetapi ia lebih kepada campurtangan kuasa luar lain yang boleh menggugat kepentingan strategik British di negeri-negeri Melayu.³ Yang jelas di sini adalah tindakan Kimberley adalah amat berlainan dengan objektif Seymour Clarke yang menggesa campurtangan British dalam politik

² Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914: With Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang*, Tucson, University of Arizona Press, 1965, hlm. 36-7.

³ Ibid

di Selangor untuk melindungi golongan pemodal British di dalam negeri tersebut khususnya apabila The Selangor Tin Mining Company yang mana beliau adalah wakil syarikat tersebut telah diberi satu konsesi oleh Tengku Zia'u'd-din (Tunku Kudin).⁴

Proses campurtangan British di Selangor boleh dianggap bermula pada tahun 1875 dengan perlantikan J.G. Davidson sebagai Residen British yang pertama. Memandangkan tujuan awal British untuk campurtangan adalah lebih kepada kepentingan politik tetapi pada tahun-tahun awal 1890-an, boleh dilihat terdapatnya perubahan dari segi dasar British terhadap golongan pemodal mereka iaitu dengan memberi galakan kepada mereka yang seterusnya melihatkan kepentingan ekonomi pemodal British mula dititikberatkan.

Perlaksanaan Sistem Pajakan Hasil Ke Atas Perdagangan Candu di Selangor

Permulaan campurtangan British di Selangor pada peringkat awal mengambil bentuk dengan mengiktiraf Tunku Kudin⁵ sebagai pembesar yang menjadi penghubung kepada mereka dalam proses campurtangan. Ini diikuti dengan perlantikan Residen dan Penolong Residen di Selangor pada awal tahun 1875 untuk

⁴ E. Sadka, *The Protected Malay States, 1874-1895*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1970, hlm. 45.

⁵ *Ibid.*

menasihati Sultan dalam hal-hewal pemerintahannya. Pada peringkat awal campurtangan mereka di Selangor, tumpuan pentadbir British ini boleh dilihat dari segi memajukan Selangor dengan menjemput lebih ramai pemodal-pemodal dari luar untuk menanam modal di Selangor, terutamanya dalam industri melombong bijih timah.

Antara usaha awal yang digunakan untuk menarik kemasukan para pelabur dari Negeri-negeri Selat untuk menanam modal dan tenaga buruh ke Selangor sejak awal campurtangan British adalah menerusi penggunaan sistem pajakan hasil ke atas beberapa bentuk perniagaan seperti pajakgadai, minuman keras dan judi. Sistem pajakan hasil candu di Selangor hanya bermula pada pertengahan tahun 1886 dan boleh dikatakan ia adalah lebih lewat berbanding dengan negeri-negeri yang menerima Residen British yang lain seperti Perak (1880) dan Sungai Ujong (1883).⁶

Sistem pajakan hasil di Negeri-negeri Melayu Bersekutu umumnya boleh didefinisikan sebagai satu sistem yang berjalan dengan pemberian hak pajakan kepada peniaga yang menawarkan harga yang tertinggi untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan sesuatu perniagaan seperti kedai judi, memborong candu, tembakau dan daging khinzir.⁷ Dalam erti kata yang lebih mudah lagi, sistem ini

⁶ *Ibid.*, hlm. 333.

⁷ K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, Singapore, Eastern Universities Press Ltd, 1964, hlm. 77.

boleh diterangkan sebagai berfungsi dengan pihak kerajaan memberi sejenis lesen khas dalam bentuk hak istimewa untuk membolehkan seseorang itu mengutip duti atau menjalankan sesuatu perniagaan di sesebuah kawasan dengan membayar sejumlah wang sebagai sewa kepada kerajaan untuk lesen tersebut setiap bulan. Pemegang lesen ini biasanya dipanggil pemajak hasil dan bayaran yang dikenakan adalah sewa pajakan hasil.

Di Selangor, terdapat dua bentuk pajakan caandu yang diamalkan iaitu *Selangor Opium Farm* dan *Selangor Coast Chandu Farm*. *Selangor Opium Farm* memberi hak mutlak kepada pemajak hasil candu atau pemegang lesen tersebut mengutip duti ke atas semua candu yang diimport masuk ke dalam negeri Selangor manakala *Selangor Coast Chandu Farm* pula memberi hak mutlak kepada pemegang lesen tersebut untuk memasak dan menjual *chandu* (candu yang telah diproses) di sesebuah kawasan yang ditentukan oleh kerajaan, antaranya ialah di Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor ataupun di Bernam.⁸

Jika dilihat kepada syarat-syarat yang terkandung dalam bahagian syarat-syarat dalam *Selangor Opium Farm 1886*, ia memberi hak kepada pemegang lesen tersebut untuk mengutip duti ke atas candu yang telah diimport masuk ke Selangor pada kadar \$7 sebola atau \$280 sepeti. Orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan sistem ini agar ia berjalan lancar di sesebuah kawasan adalah Pegawai Daerah. Beliau akan melantik wakil-wakil yang telah dipilih oleh pemegang-pemegang lesen ini untuk mengutip duti tersebut dengan memberikan mereka satu lencana atau penanda untuk dipakai sebagai bukti pemberian kuasa oleh Pegawai Daerah kepada mereka untuk mengutip duti. Hanya mereka yang mendapat perlantikan ini sahaja yang dibenarkan untuk mengutip duti candu di kawasan mereka.⁹

Bagi *Selangor Coast Chandu Farm* pula, lesen ini memberi hak kepada pemegang lesen untuk memasak dan menjual *chandu* di kawasan yang telah ditetapkan serta penjualannya mestilah di kedai-kedai *chandu* dalam kawasan tersebut. Di setiap kedai *chandu*, papan tanda bertulis *Chandu Farm Shop* dalam Bahasa Inggeris, Melayu dan Cina mestilah ditempatkan di bahagian kedai yang mudah dilihat oleh semua orang. Menerusi syarat-syarat dalam lesen ini, pemegang

⁸ *Selangor Opium Farm Conditions* dan *Selangor Selangor Coast Chandu Farm Conditions*, SSF,3685/1894.

⁹ *Selangor Opium Farm Conditions*, SSF, 3685/1894.

membahayakan kesihatan penggunanya dan mereka yang ditangkap atas kesalahan ini akan dirampas semua *chandu* dalam simpanannya.

Selain daripada itu, pihak kerajaan juga turut menetapkan satu tahap kualiti ke atas *chandu* yang telah diproses oleh pemegang lesen tersebut iaitu 27 tahil *chandu* daripada satu sebola candu dan harga borong untuk *chandu*. Misalnya, harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti yang tertakluk dalam syarat lesen tersebut adalah seperti berikut:

Kawasan	Harga per tahil (\$)	Harga per chie (\$)
Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor	1.20	0.13
Pesisir Pantai Bernam	1.50	0.17

Selain daripada pemilik lesen, pihak pengurus lombong, ladang lada hitam dan gambir turut diberi hak untuk memasak *chandu* untuk kegunaan mereka sendiri dan pekerja-pekerja mereka. Sultan Selangor turut diberi hak yang hampir sama iaitu untuk memasak satu bebola candu sebulan untuk kegunaan baginda dan keluarganya tetapi candu tersebut haruslah dibekalkan oleh pemegang lesen tersebut dengan harga yang ditetapkan iaitu \$1.00 setahil.¹⁰

Pemberian tender untuk kedua-dua bentuk lesen ini bermula dengan pengeluaran notis tawarannya oleh kerajaan negeri dalam Straits Settlements

¹⁰ *Selangor Coast Chandu Farm Conditions*, SSF, 3685/1894.

Government Gazette dan Selangor Government Gazette. Tugas ini biasanya dipertanggungjawabkan kepada Bendahari (Treasurer) ataupun pemangkunya atas arahan Residen dan prosedur ini turut diamalkan di Perak dan Negeri Sembilan. Mereka yang berminat untuk mendapatkan lesen ini dikehendaki untuk menghantar surat kepada Residen yang menyatakan harga yang ditawarkan oleh mereka untuk lesen tersebut, butir-butir peribadi serta penjamin mereka. Tempoh yang diberi oleh kedua-dua bentuk lesen ini biasanya adalah untuk tiga tahun dan ada kalanya kurang daripada itu, walaubagaimanapun tempoh tersebut adalah yang ditetapkan oleh Residen. Kedua-dua bentuk lesen ini yang pertama bermula dari 1 Julai 1886 sehingga 31 Disember 1889.¹¹

Dalam notis tawaaran tender tersebut, terdapat juga satu fasal yang menarik yang menyatakan bahawa pemberian tender oleh kerajaan bukanlah berdasarkan kepada harga tawaran yang tertinggi sahaja.¹² Pemilihan tersebut turut dipengaruhi oleh pandangan dan keputusan yang diberikan oleh Bendahari kepada Residen atau Setiausaha Tanah Jajahan (*Colonial Secretary*).¹³

Selepas mendapat tender tersebut, pemegang lesen harus membayar juga sejumlah wang bernilai tiga bulan sewa kepada Bendahari atau aset yang bernilai

¹¹ Govt. Notification, *Selangor Opium Farm*, 26 Mac 1886, SSF, 697/1886.

¹² *Ibid.*

¹³ *Report on the Tenders for Coast Chandu Farm*, 3 Jun 1886, SSF, 1168/1886.

empat bulan sewa sebagai cagaran dan seewa harus dibayar pada hari pertama setiap bulan. Mereka yang gagal menjelaskan bayaran sewa dalam tempoh sepuluh hari yang pertama akan dikenakan faedah sebanyak sepuluh peratus setahun bermula dari tarikh berhutangnya bayaran sewa. Sekiranya mereka masih gagal untuk menjelaskannya, Residen mempunyai hak untuk menamatkan lesennya dan seterusnya menawarkannya kepada orang lain. Dalam kedua-dua keping syarat yang diterbitkan ini, turut juga dimasukkan tentang denda yang akan dikenakan kepada mereka yang melanggarnya dan dendanya biasanya adalah berbentuk bayaran wang tidak lebih daripada \$100 untuk setiap kesalahan yang disabitkan.¹⁴

Sebulan sebelum luputnya tempoh lesen, pemegang lesen akan diberi notis luput lesen dan mereka boleh memohon untuk tawaran yang akan datang dengan cara seperti yang mereka lakukan semasa mendapatkan tawaran terdahulu iaitu dengan menghantar surat yang menyatakan butir-butir peribadi, harga tawaran serta penjamin kepada Residen. Selain daripada itu, mereka yang ingin mendapatkan lesen tersebut tidak dihadkan memohon dan mendapat lebih daripada satu tender yang ditawarkan oleh kerajaan.

Terdapat satu persamaan lagi dalam kedua-dua jenis tender tersebut iaitu pemegang-pemegang lesen yang tidak berjaya mendapat tender yang baru selepas

¹⁴ *Selangor Opium Farm Conditions* dan *Selangor Coast Farm Conditions*, SSF, 3685/1894.

Terdapat satu persamaan lagi dalam kedua-dua jenis tender tersebut iaitu pemegang-pemegang lesen yang tidak berjaya mendapat tender yang baru selepas lalutnya lesen lama mereka tidak dibenarkan untuk menyimpan candu yang masih ada. Mereka dikehendaki menyerahkan semua candu yang masih ada dalam simpanan mereka kepada pemegang lesen yang baru dan mereka akan dibayar untuk candu yang telah mereka serahkan. Kegagalan mereka untuk menyerahkan candu yang ada dalam simpanan mereka akan menyebabkan mereka didakwa dan semua candu di dalam simpanan mereka dirampas.¹⁵

Setiap penjualan dan penggunaan *chandu* haruslah dilaporkan serta percubaan atau tindakan menyeludup yang berjaya dikesan akan menyebabkan lesen mereka dirampas dan wang cagaran mereka menjadi milik kerajaan.¹⁶ Ini bersesuaian sekali dengan tujuan sebenar perlaksanaan sistem pajakan hasil candu iaitu untuk mengelakkan berlakunya penyeludupan ke atas candu tetapi sejahteran kejayaan sistem ini dalam membanteras aktiviti penyeludupan masih boleh dipersoalkan kerana terdapat sebilangan pemegang lesen tersebut yang menjadi dalang dalam kegiatan penyeludupan candu. Walaubagaimanapun, isu penyeludupan candu akan dibincangkan dalam bab yang akan datang.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Selangor Coast Chandu Farm Conditions*, SSF,3685/1886.

Perlombongan Bijih Timah di Selangor dan Perkaitannya dengan Candu

Perlombongan bijih timah sebelum abad ke-19 merupakan satu industri yang dimiliki oleh orang Melayu, iaitu dijalankan oleh golongan pembesar Melayu. Namun begitu, oleh kerana ia tidak banyak berkembang sebagai satu industri yang menguntungkan, mereka akhirnya telah menjemput pemodal-pemodal Cina dan Eropah dari Negeri-negeri Selat untuk memajukan kawasan lombong mereka. Ini kerana mereka tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk memajukan industri ini di samping masalah-masalah lain seperti tenaga buruh dan kaedah melombong yang sesuai. Dengan penerimaan jemputan pembesar-pembesar Melayu ini, akhirnya menjelang akhir abad ke-19, golongan pemodal Cina telah memonopolikan industri ini sebelum ia diambilalih oleh pemodal Eropah pada abad ke-20.

Wong Lin Ken dalam *The Malayan Tin Industry to 1914* telah menerangkan sebab-sebab kemunduran orang Melayu dalam industri ini. Antara sebab yang diberi adalah ketiadaan usaha yang benar-benar bertujuan untuk memajukan industri ini sebagai satu industri yang utama. Orang Melayu hanya menjadikan kerja melombong ini sebagai satu kerja sampingan untuk menambahkan pendapatan dan menyebabkan tiadanya usaha yang serius untuk meningkatkan pengeluaran. Di samping itu, mereka dikatakan tidak mempunyai sifat “commercial shrewdness” dan kegigihan sebagaimana yang dimiliki oleh pelombong Cina.

Ketiadaan sebuah kuasa pusat yang benar-benar kuat untuk mentadbir golongan pembesar juga mempengaruhi kemungkinan untuk memajukan industri ini secara lebih intensif. Konflik di kalangan golongan pembesar Melayu menyebabkan mereka menyimpan sejumlah pengikut yang bergantung hidup kepada pembesar tersebut yang akan mengerjakan lombong semasa keadaan aman dan askar semasa meletusnya perang atau pergaduhan. Fenomena ini juga telah menyebabkan sebahagian besar pendapatan mereka daripada aktiviti melombong digunakan untuk membiayai perbelanjaan perang dan pengikutnya. Dengan itu, dapat dilihat bahawa ketidakmampuan pembesar Melayu untuk memajukan lombong mereka adalah berpunca daripada masalah ketiadaan tenaga buruh yang tetap dan khusus untuk mengerjakan lombong bijih timah di samping peruntukan untuk memperbaiki teknik perlombongan telah dibelanjakan untuk tujuan pertahanan.¹⁷

Kelemahan-kelemahan yang disedari oleh sebahagian daripada pembesar Melayu ini telah menyebabkan ada di kalangan mereka yang menjemput kemasukan modal dari Negeri-negeri Selat yang pada masa tersebut merupakan tempat tertumpunya ramai pemodal Cina dan Eropah. Kemasukan orang Cina ke Selangor untuk mengerjakan lombong bijih timah di sana bermula sejak tahun 1840-an lagi atas jemputan para pembesar Melayu yang memiliki lombong. Antara yang terawal

¹⁷ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, hlm. 21.

adalah di Lukut yang mana pembesar Lukut telah menjemput orang Cina untuk mengerjakan lombong di sana sehingga Lukut muncul sebagai kawasan perlombongan termaju di Selangor pada tahun 1860-an dan lengkap dengan kemudahan infrastruktur.¹⁸ Pada peringkat awal, penanaman modal yang disumbangkan oleh pemodal Cina dan Eropah adalah dalam bentuk wang, beras dan candu kepada pembesar Melayu untuk mebiayai kos operasi dan kegunaan para buruh di lombong. Bijih timah yang dilombong itu akan dijualkan kepada golongan pemodal berdasarkan harga yang ditetapkan.¹⁹

Kejayaan Lukut di bawah Raja Jumaat telah mendorong pembesar-pembesar lain untuk mengambil langkah yang sama. Ini dapat disaksikan menerusi usaha oleh Sultan Muhammad yang mendapatkan pinjaman modal dari tiga saudagar Cina dan Messrs. Neubronner & Co. dari Melaka untuk memajukan lombong di Sungai Klang. Raja Abdullah bin Tunku Ja'afar bersama-sama dengan Raja Jumaat telah memajukan lombong di Ampang dengan bantuan beberapa saudagar Cina dari Melaka. Lukut, Kanching dan Ampang telah muncul sebagai tiga kawasan perlombongan bijih timah yang maju di Selangor pada tahun 1860-an, diikuti dengan Bukit Arang di Ulu Langat, Klang dan Kuala Lumpur.

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 22.

¹⁹ Sadka, *The Protected Malay States*, hlm. 19.

Sebab yang diberi kepada kejayaan yang diraih oleh pelombong Cina selain daripada faktor modal adalah kemampuan mereka untuk merekrut buruh secara beramai-ramai di samping faktor teknologi iaitu teknik untuk mengerjakan lombong bijih timah. Pelombong-pelombong Cina telah memperkenalkan penggunaan alatan hidraulik; satu teknik yang boleh dikatakan mudah dan murah tetapi berkesan dalam membantu mengeluarkan air untuk membolehkan bijih timah dilombong di kawasan yang lebih dalam. Pelombong Cina juga terlibat dalam kerja-kerja melebur timah selain daripada melombong.²⁰

Permintaan yang kian meningkat terhadap bijih timah telah memerlukan bilangan buruh yang lebih ramai untuk pengeluaran bijih timah, lebih-lebih lagi teknik yang digunakan itu bercorak intensif buruh. Untuk memenuhi keadaan kekurangan tenaga buruh ini, maka berlakulah pemgimportan beramai-ramai dari China mulai pertengahan kedua abad ke-19. Pengimportan beramai-ramai buruh lelaki dari China khususnya dari wilayah seperti Kwangtung dan Fukien di Selatan China telah dilihat oleh Sadka sebagai membentuk satu corak imigrasi baru di mana kedatangan mereka bukan lagi untuk berdagang seperti pada abad-abad yang sebelumnya tetapi sebagai “*indentured labour*.²¹

²⁰ *Ibid.*, hlm. 20.

²¹ *Ibid.*, hlm. 22.

Ini kerana kedatangan kebanyakan daripada mereka adalah menerusi broker kuli yang mengeksport tenaga buruh yang menyerupai perdagangan hamba; mereka tidak kenal bakal majikan dan nasib mereka di tempat yang tidak pernah didengari. Hanya sebilangan kecil sahaja yang lebih bernasib baik kerana tiba atas bantuan saudara-mara yang telah menetap di Tanah Melayu. Golongan buruh yang kurang bernasib baik terpaksa bergantung sepenuhnya kepada majikan mereka yang menyediakan kemudahan dalam keadaan yang amat minimal. Mereka tinggal di rumah-rumah atap yang memuatkan 20 hingga 100 orang buruh, diberi pakaian dan makanan secara percuma. Namun begitu dalam situasi yang begitu daif di kawasan yang terpencil, tidak hairanlah jika aktiviti seperti berjudi, minum arak, penggunaan candu dan pelacuran menjadi aspek hidup mereka selain daripada bekerja.²²

Kajian yang telah dijalankan telah membuktikan bahawa kebanyakan daripada buruh-buruh Cina ini mula mengambil candu hanya selepas kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Rumah pelacuran dilihat oleh Purcell sebagai tempat yang mana buruh ini mula belajar menggunakan candu²³ dan pendapat yang hampir sama diberikan oleh R.N. Jackson. Wong Lin Ken mengaitkan penggunaan candu oleh buruh-buruh Cina bermula dengan perjudian di mana candu telah dijual berdekatan dengan meja-meja judi di lombong.²⁴

²² *Ibid.*, hlm. 22-3.

²³ Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967, hlm. 185-6.

²⁴ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, hlm. 77.

Alasan-alasan seperti penawar kesakitan, antidot kesedihan, hiburan dan terikut dengan amalan yang tidak sihat merupakan antara alasan yang biasa diberi oleh buruh Cina berkenaan dengan penglibatan mereka dalam penggunaan candu.²⁵ Jika sebab-sebab yang diperolehi daripada kajian yang telah dilakukan adalah tepat, maka tidak mustahil jika dikatakan bahawa fenomena ini hasil daripada usaha pemilik lombong yang biasanya merupakan pemajak candu yang menggalakkkan penggunaan candu di kalangan buruh sehingga mereka turut menyediakan kemudahan membeli candu secara kredit. Ini turut bermakna keadaan hidup yang begitu buruk dan kemudahan mendapatkan candu telah menjadikan candu kian popular di kalangan buruh-buruh Cina di lombong. Kemudahan membeli candu secara kredit juga telah menguntungkan pemilik lombong kerana keadaan berhutang oleh buruh yang kian meningkat akan mengikat mereka kepada pemilik lombong yang seterusnya menjamin bekalan buruh yang lebih stabil.

Berbanding dengan perniagaan lain, perdagangan candu menerusi sistem pajakan hasil candu ternyata penting kepada ekonomi sesebuah negeri terutamanya negeri pengeluar bijih timah seperti Selangor. Dari satu sudut, ia menyumbang kepada pendapatan negeri sehingga penggunaannya dianggap sebagai salah satu sumber pendapatan yang sah walaupun ia mendapat kritikan moral seperti yang

²⁵ Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 185-6.

diberikan kepada perniagaan judi dan arak. Dari sudut yang lain, ia memberi pulangan yang lumayan kepada pemilik lesen tersebut walaupun mereka terpaksa membiayai kos untuk mendapatkan lesen tersebut dan penyelenggaraannya.²⁶

Kepentingan Perdagangan Candu di Selangor Pada Abad Ke-19

Peranan yang dimainkan oleh perdagangan candu di Selangor merupakan suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan lagi. Seperti yang diketahui umum, candu merupakan salah satu sumber pendapatan begeri yang penting yang membolehkan pentadbiran dan pembangunan dalam negeri berjalan dengan lebih lancar. Jika dibandingkan pendapatan yang diperolehi daripada kedua-dua candu mentah dan masak dalam Lampiran I dengan jumlah pendapatan negeri Selangor dalam Lampiran II, dapat dilihat bahawa perdagangan candu sahaja telah menyumbangkan sebahagian besar daripada pendapatan negeri Selangor walaupun ia dari segi moral tidak wajar diberi pertimbangan sebagai satu komponen pendapatan yang sah.

²⁶ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, hlm.77.

Sejak pertengahan tahun 1886, sistem pajakan hasil candu telah dilaksanakan di Selangor sebagai satu cara di mana perdagangan candu akan berjalan. Sistem ini telah memberi sumbangan dalam pendapatan dari dua segi iaitu bayaran sewa pajakan hasil setiap bulan dan dalam bentuk cukai yang dikenakan ke atas candu yang diimport. Ini bermakna tanpa memerlukan satu pentadbiran yang khusus untuk perdagangan ini, kerajaan dapat memperolehi sejumlah besar pendapatan dengan pemberian lesen mengimport candu dan menjual *chandu*.

Candu turut memainkan peranan yang penting dalam perjalanan sektor perlombongan bijih timah , satu-satunya sektor yang terpenting dalam ekonomi negeri. Di sini, candu telah memainkan peranannya dengan menjadi salah satu perniagaan sampingan utama yang akan memastikan operasi melombong bijih timah terus berjalan. Pada kebiasaannya, pemilik lombong akan menggunakan keuntungan yang diperolehi daripada perdagangan candu untuk menampung kerugian yang ditanggung olehnya daripada aktiviti melombong bijih timah. Tambahan pula, permintaan ke atas candu kian meningkat dengan peningkatan kemasukan buruh Cina di samping ketagihan yang dialami oleh buruh-buruh Cina itu menyebabkan dos-dos yang terpaksa diambil mereka juga meningkat.

Reaksi British pada tempoh ini juga merupakan suatu perkara yang tidak kurang menariknya. Mereka nampaknya bersedia untuk mengambil apa juar kritikan

yang akan dilemparkan ke atas polisi mereka yang meletakkan candu sebagai satu aspek penting dalam ekonomi sesebuah negeri. Malah, mereka turut menghulurkan bantuan kepada pemilik lombong yang menghadapi masalah kewangan kerana mereka tidak mampu untuk membiarkan golongan ini muflis. Ini berikutan daripada kesedaran bahawa jika sekiranya perlombongan terhenti, ia merupakan satu kerugian yang besar kepada kerajaan kerana golongan inilah yang menentukan pendapatan tahunan kerajaan menerusi pengeluaran bijih timah, candu dan lesen-lesen pajakan hasil.

Pemberian bantuan kewangan kepada pemilik lombong bermula semenjak zaman Sir Bloomfield Douglas menyandang jawatan Residen di Selangor (1877-1882) yang telah memberi bantuan kewangan kepada kapitan Cina dan Yap Ah Shak. Langkah yang sama telah diteruskan oleh pengganti-pengganti beliau seperti Swettenham dan Maxwell. Maxwell misalnya pada tahun 1890 telah mendapat kelulusan untuk menyediakan \$57 000 sebagai pinjaman kepada pelombong Cina yang mana \$50 000 telah diberikan kepada kapitan Cina. Sistem pemberian pinjaman ini telah diteruskan sehingga ia dihentikan pada tahun 1894 tetapi pada tahun 1896, Gabenor Negeri-negeri Selat telah meluluskan satu pinjaman berjumlah \$50 000 kepada Kapitan Cina dan Loke Yew.²⁷ Didapati bahawa pada tahun 1896, Kapitan

²⁷ Sadka, *The Protected Malay States*, h:m. 337.

Cina Yap Kuan Seng dan Loke Yew merupakan antara pemajak hasil candu yang terlibat dalam perlombongan bijih timah.

Abad ke-19 menyaksikan permulaan campurtangan British di negeri-negeri Melayu, khususnya Selangor dan kepentingan perlombongan bijih timah kepada kerajaan. Antara sebab yang terpenting adalah kemasukan British dalam hal-hal negara Selangor adalah potensi yang disumbangkan oleh sektor ini walaupun objektif asal mereka adalah kepada pertimbangan politik dan strategik. Tempoh ini juga memperlihatkan peranan candu dalam menyumbang kepada sektor perlombongan bijih timah yang seterusnya menpengaruhi dasar dan pendirian British terhadap perdagangan candu dan perlombongan bijih timah iaitu dengan memberi galakan kepada perdagangan candu demi penerusan industri perlombongan bijih timah. Namun begitu, bentuk dasar British ini tidak berkekalan dan mula berubah dengan drastik pada awal abad ke-20.